



SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 7/2025

JKKN, MJIIT UTM KL DAN JAPAN FOUNDATION KL ANJUR BERSAMA BICARA DIPLOMASI BUDAYA 2025

KUALA LUMPUR, 20 MEI 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama *Malaysia-Japan International Institute of Technology* (MJIIT), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur dan *Japan Foundation* Kuala Lumpur telah mengadakan program *Cultural Diplomacy Talk* (Bicara Diplomasi Budaya) 2025 bertempat di Dewan Azman Hashim Menara Razak UTMKL.

Program ini diadakan bertujuan sebagai platform perkongsian ilmu dan kepakaran dalam aspek seni, budaya dan warisan kepada masyarakat luar. Selain itu, ia dapat memberi pendedahan kepada peserta untuk lebih memahami konsep diplomasi budaya dalam mempromosikan seni, budaya dan warisan Malaysia ke peringkat antarabangsa serta untuk menonjolkan keunikan budaya dan kesenian Malaysia, seterusnya membina potensi jaringan kerjasama dengan pelbagai negara.

Menariknya Program Bicara Diplomasi Budaya pada tahun ini akan mengetengahkan topik ***‘Malaysia and Japan – Exploring Cultural Diplomacy and Diversity’***. Menampilkan tiga (3) orang panel jemputan yang hebat iaitu Encik Matsuo Keigo, *Second Secretary, Embassy of Japan in Malaysia* dengan tajuk *“Cultural Diplomacy in Action: Japan – Malaysia Relations & The Spirit of the Look East Policy”*,

Encik Tsukamoto Norihisa, *Director of The Japan Foundation Kuala Lumpur*, dengan tajuk *“Overview of the Japan Foundation’s Activities in Malaysia”* manakala dan Prof.

Madya Ir. Ts. Dr. Nurul Akmar Abu Husain, Dekan *Malaysia-Japan International Institute of Technology* (MJIT), Universiti Teknologi Malaysia yang berkongsi mengenai “*Integrating Japanese-Style Engineering Education with Malaysian Cultural Distinctiveness: The MJIT Experience at Universiti Teknologi Malaysia*”. Selain itu, Puan Hasparina binti Abdul Ghafar, Ketua Pusat Bahasa dan Budaya Jepun di *Malaysia-Japan International Institute of Technology* (MJIT), Universiti Teknologi Malaysia menjadi moderator sepanjang program tersebut berlangsung.

“Bicara Diplomasi Budaya dengan tajuk ‘*Malaysia and Japan – Exploring Cultural Diplomacy and Diversity*’ yang dilaksanakan oleh JKKN hari ini adalah sebagai pemangkin kepada usaha Kerajaan melalui MOTAC bagi mengekalkan hubungan kerjasama erat antara Malaysia dan negara Jepun terutamanya menerusi bidang sosial dan kebudayaan. Selain dapat memberi pendedahan dan pengetahuan kepada generasi muda berkaitan jalinan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara melalui diplomasi budaya, persefahaman bersama, kepercayaan, dan persahabatan berteraskan semangat Dasar Pandang ke Timur. Selama berdekad Malaysia dan Jepun telah giat mempromosikan pelbagai inisiatif termasuk pendidikan bahasa Jepun, program kebudayaan tradisional dan kontemporari, pertukaran belia dan akademik serta kerjasama penyelidikan bersama. Usaha-usaha ini telah memperkukuh hubungan antara negara dan meningkatkan nilai keterlihatan kedua-dua negara di peringkat global. Berpaksikan sejarah dan usaha berterusan ini Malaysia dan Jepun akan terus membentuk masa depan yang lebih terhubung, inklusif, dan kaya dengan budaya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak *Malaysia-Japan International Institute of Technology* (MJIT), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur dan *Japan Foundation* Kuala Lumpur atas kesudian bersama-sama dengan JKKN dalam menjayakan program keilmuan ini,” kata Mohd Amran bin Mohd Haris, Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dalam kenyataannya hari ini.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN melalui pautan www.facebook.com/mysenibudaya. Saksikan siaran langsung program Bicara Diplomasi Budaya 2025 melalui Facebook Live JKKN TV.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:** ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter, YouTube, Tiktok : @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 6019-809 1805	Mohd Faiz bin Nawawi Pegawai Kebudayaan Unit Komunikasi Korporat, JKKN faiz@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 011-32106486
--	--